

NAMA :

KELAS :

SMK SERI SAUJANA, 57000 KUALA LUMPUR



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023
TINGKATAN 5
PRINSIP PERAKAUNAN
Kertas 1
Oktober 2023
1 ¼ Jam

3756/1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Setiap soalan diikuti oleh empat pilihan yang berhuruf **A, B, C, dan D**. Pilih satu jawapan sahaja bagi setiap soalan. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Calon dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan.

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

1. Chong merekod ambilan barang niaga yang digunakan oleh keluarganya sebagai ambilan. Apakah konsep perakaunan yang telah diamalkan oleh Chong?
 A Ketekalan
 B Prinsip kos
 C Entiti berasingan
 D Usaha berterusan
2. Antara berikut, yang manakah merupakan akaun nominal?
 A Gaji
 B Perabot
 C Inventori
 D Bank
3. Pada 1 Ogos 2023, Nikita membawa masuk komputer peribadinya ke dalam perniagaan. Apakah dokumen sumber yang sesuai digunakan untuk urus niaga tersebut?
 A Memo
 B Bil tunai
 C Invois
 D Resit rasmi

4. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan William.

| | RM |
|------------------------|---------|
| Aset bukan semasa | 10000 - |
| Aset semasa | 6980 |
| Liabiliti bukan semasa | 6000 |
| Liabiliti semasa | 580 |

Berapakah ekuiti pemilik?

5. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Wong Enterprise bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

| | RM |
|-----------------------|-------|
| Inventori 1 Januari | 3500 |
| Inventori 31 Disember | 2140 |
| Belian | 11800 |
| Pulangan belian | 420 |
| Angkutan masuk | 680 |

Berapakah kos jualan?

6. Antara berikut, yang manakah dikelaskan sebagai aset?
 I Akaun belum bayar, Pinjaman
 II Overdraf Bank, Modal
 III Alatan Pejabat, Inventori
 IV Tunai, Perabot
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

7. Butiran manakah merupakan liabiliti semasa perniagaan?
- A Premis
 B Insurans
 C Kadar bayaran belum bayar
 D Akaun belum terima

8. Perniagaan Jun mempunyai carta akaun seperti berikut.

| Jenis Akaun | Kod Item |
|----------------|-----------|
| Aset | 1000-1999 |
| Liabiliti | 2000-2999 |
| Ekuiti Pemilik | 3000-3999 |
| Hasil | 4000-4999 |
| Belanja | 5000-5999 |

Apakah akaun M jika nombor kodnya ialah 2024?

- A Akaun belum bayar
 B Kelengkapan
 C Modal
 D Faedah atas pinjaman
9. Data berikut diperolehi daripada buku Q Trading.

| | |
|--------------------|------|
| | RM |
| Inventori awal | 300 |
| Akaun belum terima | 3400 |
| Perabot | 2280 |
| Gaji belum bayar | 360 |
| Overdraf bank | 1330 |

Berapakah modal kerja?

- A RM4290
 B RM3990
 C RM3340
 D RM1710
10. Lim telah membawa masuk tunai peribadinya ke dalam perniagaan. Apakah kesan urus niaga tersebut?

| | Aset | Liabiliti | Ekuiti Pemilik |
|---|-----------|-------------|----------------|
| A | Bertambah | Tiada kesan | Bertambah |
| B | Berkurang | Berkurang | Tiada kesan |
| C | Bertambah | Bertambah | Tiada kesan |
| D | Berkurang | Tiada kesan | Berkurang |

11. Urus niaga yang manakah direkod di sebelah debit Buku Tunai?

- A Belian kredit
 B Jualan kredit
 C Jualan tunai
 D Insurans

12. Apakah butiran yang mungkin dicatat di lajur alat tulis dalam Buku Tunai Runcit?

- I Kertas pencetak
 II Pen
 III Tambang
 IV Belanja membaiki pintu
- A I dan II
 B II dan III
 C II dan IV
 D I dan IV

13. Kedai Dobi Amirul menerima pinjaman bank RM30000. Catatan manakah yang digunakan untuk merekod urus niaga tersebut?

| | Debit | Kredit |
|---|---------------|---------------|
| A | Pinjaman bank | Bank |
| B | Bank | Pinjaman bank |
| C | Modal | Tunai |
| D | Bank | Tunai |

14. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Kedai Perabot Umar.

Akaun Kadar bayaran

| Tarikh | Butir | Debit (RM) | Tarikh | Butir | Kredit (RM) |
|----------|-------|------------|----------|-------------|-------------|
| Julai 31 | Bank | 540 | Julai 31 | Untung rugi | 340 |
| | | | | Baki h/b | 200 |

Pernyataan manakah yang menerangkan catatan di atas?

- A Kadar bayaran telah dibayar adalah RM340
 B Kadar bayaran akan dibayar adalah RM540
 C Kadar bayaran prabayar adalah RM200
 D Kadar bayaran sepatutnya dibayar adalah RM200
15. Imbangan Duga pada 31 Ogos 2023

| Butiran | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|---------------|------------|-------------|
| Modal Perabot | 4800 | 56000 |
| F | | 380 |

F dalam Imbangan Duga di atas mungkin sekali ialah

- A Ambilan
 B Bangunan
 C Kadar bayaran
 D Sewa diterima

16. Petikan Buku Tunai berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

Buku Tunai (ruangan bank)

| Tarikh | Butir | Debit (RM) |
|--------|---------------------|------------|
| Ogos 7 | Adawiyah Enterprise | 700 |

Bagaimanakah catatan pengeposan ditunjukkan dalam lejar?

A

Adawiyah Enterprise

| Tarikh | Butir | Debit (RM) | | | |
|--------|-------|------------|--|--|--|
| Ogos 7 | Bank | 700 | | | |

| | | | | | |
|---|---------------------|-------|------------|-------|-------------|
| B | Adawiyah Enterprise | | | | |
| | | | Tarikh | Butir | Kredit (RM) |
| | | | Ogos 7 | Bank | 700 |
| C | Adawiyah Enterprise | | | | |
| | | | Tarikh | Butir | Kredit (RM) |
| | | | Ogos 7 | Tunai | 700 |
| D | Adawiyah Enterprise | | | | |
| | Tarikh | Butir | Debit (RM) | | |
| | Ogos 7 | Tunai | 700 | | |

17. Petikan akaun berikut diperolehi dari Kedai Ng.

| | | | | | |
|----------------------------|----------|------------|--------|----------------|-------------|
| Akaun Kawalan Belum Terima | | | | | |
| Tarikh | Butir | Debit (RM) | Tarikh | Butir | Kredit (RM) |
| 2023 | | RM | 2023 | | RM |
| Mac 1 | Baki b/b | 5210 | Mac 31 | Bank | 12630 |
| | Jualan | ? | | Diskaun diberi | 730 |
| | | | | Baki h/b | 5280 |

Kedai Ng dijangka akan dapat mengutip 60% daripada jualan kredit dalam masa 5 bulan. Berapakah jumlah kutipan yang diperolehi dalam jangka masa tersebut?

- A RM8058 C RM13430
 B RM11184 D RM18640

Tahun kewangan Fahrin Trading berakhir pada 31 Disember 2023. Pada 1 April 2023, Fahrin telah membayar insurans tahunan sebanyak RM4800.

18. Berapakah insurans yang patut dicatat ke Akaun Untung Rugi bagi tahun 2023?
 A RM1200 C RM3600
 B RM3200 D RM4800

19. Nixon Enterprise menjual barang niaga secara kredit kepada Toh Trading. Bagaimanakah urusan niaga ini direkodkan dalam buku lejar Nixon Enterprise?

| | | |
|---|------------------|-------------------|
| | Akaun didebitkan | Akaun dikreditkan |
| A | Toh Trading | Jualan |
| B | Tunai | Toh Trading |
| C | Jualan | Toh Trading |
| D | Toh Trading | Tunai |

20.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2023

| Butir | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|------------------------|------------|-------------|
| Akaun belum terima | 8000 | |
| Peruntukan hutang ragu | | 240 |

Maklumat tambahan:

Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas akaun belum terima.

Berapakah amaun hutang ragu yang perlu dicatat dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM160 C RM260
 B RM240 D RM500

21. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Ricky Enterprise yang menjalankan perniagaan membaiki kereta.

| | 1 Januari 2023 | 31 Disember 2023 |
|------------|----------------|------------------|
| | RM | RM |
| Alat kecil | 350 | 210 |

Maklumat tambahan:
 Alat kecil berjumlah RM430 telah dibeli sepanjang tahun 2023

Berapakah susut nilai alat kecil yang dicatat pada akaun untung rugi?

- A RM130 C RM230
 B RM140 D RM570

22. Maklumat berikut diperolehi daripada Wafa Trading.

| | |
|---------------|------|
| | RM |
| Untung kasar | 5840 |
| Hutang lapuk | 260 |
| Kadar bayaran | 780 |
| Sewa diterima | 190 |

Berapakah untung bersih?

- A RM4160 C RM4990
 B RM4540 D RM7140

23. Apakah butir yang direkodkan dalam buku tunai yang dikemaskini?

- I Caj bank
 II Buku cek
 III Dividen
 IV Cek belum dikemukakan
- A I, II dan III C I, III dan IV
 B I, II dan IV D II, III dan IV

24. Butir X dan Y perlu diambil kira dalam penyediaan Penyata Penyesuaian Bank selepas Buku Tunai dikemaskinikan?

Apakah butir X dan Y?

| | X | Y |
|---|-----------------------|---------------------------|
| A | Caj bank | Faedah atas simpanan |
| B | Faedah atas overdraf | Dividen |
| C | Cek tak layan | Pindahan kredit |
| D | Cek belum dikemukakan | Deposit belum dikreditkan |

25. Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Maisarah menyediakan belanjawan tunai bagi 3 bulan berakhir 31 Mac 2023. Belian dianggarkan berjumlah RM40000 setiap bulan di mana 40% daripadanya diberi tempoh kredit.

Berapakah anggaran pembayaran belian pada bulan Februari?

- A RM16000
 B RM24000
 C RM40000
 D -RM20000

26. Antara berikut, yang manakah butir pembayaran dalam Belanjawan?

- A Modal tambahan
 B Hasil jualan
 C Komisen terima
 D Faedah atas pinjaman bank

27. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian AA.

| | |
|---------------------|------|
| | RM |
| Untung bersih | 4000 |
| Faedah atas ambilan | 60 |
| Faedah atas modal | 1500 |

Untung atau rugi perkongsian dibahagi sama rata antara dua orang pekongsi tersebut. Hitungkan bahagian untung setiap pekongsi.

- A RM1220
 B RM1280
 C RM2560
 D RM2720

28. Maklumat berikut diperoleh daripada Akaun Semasa Hoe.

| | |
|---------------------|-----------|
| | RM |
| Baki 1 Januari | 2620 (kt) |
| Faedah atas modal | 350 |
| Faedah atas ambilan | 30 |
| Kongsi rugi | 390 |

Berapakah baki akhir Akaun Semasa Hoe?

- A RM1850
 B RM2550
 C RM2690
 D RM3390

| Akaun Realisasi | | | |
|--------------------|------------|-------------------|-------------|
| Butir | Debit (RM) | Butir | Kredit (RM) |
| Kenderaan | 35000 | Bank | 44000 |
| Inventori | 7200 | Akaun belum bayar | 1200 |
| Akaun belum terima | 1350 | | |
| Modal Q (3/5) | Y | | |
| Modal S (2/5) | 660 | | |
| | 45200 | | 45200 |

29. Berapakah nilai Y?

- A Untung Realisasi RM990 C Untung realisasi RM1650
 B Rugi Realisasi RM990 D Rugi realisasi RM1650

30. Semasa pembubaran perkongsian, premis direalis pada harga RM25000. Antara berikut, yang manakah catatan bergu yang betul untuk merekod urus niaga di atas?

| | Debit | Kredit |
|---|-----------|-----------|
| A | Premis | Bank |
| B | Realisasi | Bank |
| C | Bank | Realisasi |
| D | Bank | Premis |

31. Modal syer biasa diterbitkan ialah 250 000 unit bernilai RM1.00 sesyer. Separuh daripada modal diterbitkan telah membayar penuh. Berapakah modal membayar?


- A RM125 000 C RM250 000
 B RM200 000 D RM500 000

32. Antara berikut, jenis modal yang manakah dicatat dalam Penyata Kedudukan Kewangan bagi sesebuah syarikat berhad?

- A Modal berdaftar
 B Modal belum diterbitkan
 C Modal diterbitkan
 D Modal belum membayar

33. Carta pai berikut menunjukkan jumlah kutipan yuran Kelab Muzik SMK Seri Saujana.

Kutipan Yuran Kelab Muzik Pada Tahun 2023



Jumlah kutipan yuran Kelab Muzik pada tahun 2023 adalah sebanyak RM5800. Berapakah jumlah yuran yang sepatutnya rekod pada pendapatan dan perbelanjaan?

- A RM4060
B RM5220
C RM6380
D RM7540

34. Petikan Penyata Kedudukan Kewangan Kelab Sukan pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

| | | |
|--|----------------|-------------|
| | Dana terkumpul | RM |
| | (+) P | 12300 |
| | | <u>6550</u> |
| | | 18850 |

Apakah P?

- A Yuran pertandingan
B Lebihan
C Yuran ahli
D Yuran lapuk
35. Data berikut diperolehi daripada Kedai Chin.

| | 1 Januari 2023 | 31 Disember 2023 |
|----------------|----------------|------------------|
| | RM | RM |
| Modal | 26500 | 53000 |
| Modal tambahan | | 2000 |
| Ambilan | | 3700 |

Hitung untung atau rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

- A Untung bersih RM22800
B Untung bersih RM28200
C Rugi bersih RM24800
D Rugi bersih RM28400
36. Antara berikut, yang manakah merupakan kos overhead bagi sebuah kilang?
- A Insurans kilang
B Kos bahan mentah
C Upah langsung
D Duti atas bahan mentah
37. Maklumat berikut menunjukkan jumlah kos pada dua tahap pengeluaran bagi satu produk.

| Unit pengeluaran | Jumlah Kos (RM) |
|------------------|-----------------|
| 8000 | 44000 |
| 15000 | 65000 |

Berapakah kos tetap?

- A RM12000
B RM21000
C RM20000
D RM50000

38. Data berikut menunjukkan kos dan harga jualan barang Y yang dihasilkan oleh Kilang Dees.

| | RM |
|---------------------|-------|
| Kos tetap | 10000 |
| Kos berubah seunit | 1.50 |
| Harga jualan seunit | 4.00 |

Berapakah unit barang yang perlu dijual untuk memperoleh untung sasaran RM6000?

- A 3520 unit
B 3800 unit
C 4000 unit
D 6400 unit

39. Maklumat berikut diambil daripada Yee Trading.

| | RM |
|--------------------|------|
| Akaun belum terima | 5400 |
| Akaun belum bayar | 1200 |
| Inventori akhir | 2280 |
| Sewa belum terima | 890 |

Berapakah nisbah semasa?

- A 11.44 : 1
B 8.23 : 1
C 7.14 : 1
D 7.48 : 1

40. Maklumat berikut diambil daripada Syarikat Danial bagi tahun berakhir 30 Jun 2023.

| | RM |
|-------------------------|-------|
| Modal pada 1 Julai 2022 | 56000 |
| Untung kasar | 12500 |
| Belanja | 5230 |

Hitung pulangan atas modal.

- A 12.89%
B 12.98%
C 24.62%
D 31.66%

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh:



(LEE YEE WAH)
Ketua Panitia
Prinsip Perakaunan

Disemak oleh:



(CHE GUAT POH)
Guru Kanan Mata Pelajaran
Teknik dan Vokasional

Disahkan oleh:



(KAMALA BINTI DALIMI)
Penolong Kanan Kurikulum